

Kawal harga menjelang hari raya

Oleh NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED

ISU kenaikan harga barangan keperluan asas pengguna setiap kali menjelang musim perayaan seolah-olah sudah menjadi satu trend dan perkara wajib setiap tahun. Seperti tahun-tahun lepas dan juga seperti yang dijangka oleh kita semua skrip yang sama bakal berulang menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Hal ini kerana desas-desus kenaikan harga pelbagai barangan keperluan asas sudah mula kedengaran.

Malah ada barangan dilaporkan sudah pun naik harga sebelum Ramadan lagi. Antara item yang disebut-sebut bakal naik harga secara mendadak adalah ayam. Secara umumnya ayam adalah juadah utama pada setiap musim perayaan besar seperti Aidilfitri. Maka secara logiknya permintaan terhadap bekalan ayam akan terus meningkat secara drastik terutamanya beberapa hari menjelang sambutan Aidilfitri. Ini menyebabkan pihak pembekal dan peniaga bakal terus mengambil kesempatan menaikkan harga ayam sesuka hati walaupun pihak kerajaan sentiasa menetapkan harga siling.

Misalnya pada tahun ini, harga ayam dijangka terus mengalami peningkatan sehingga RM2 sekilogram menjelang perayaan Aidilfitri berbanding harga ayam semasa yang kini mencecah RM7.80 sekilogram. Rumusan awal yang boleh dibuat adalah harga ayam mengalami tiga kali peningkatan harga iaitu pada peringkat permulaan dan pertengahan Ramadan serta pada minggu terakhir menjelang Aidilfitri. Dan semua ini perlu ditanggung sepenuhnya oleh pengguna.

Antara alasan paling klise yang sering diberikan oleh peniaga adalah pembekal serta pemborong telah menaikkan harga bekalan maka mereka tiada pilihan kecuali terpaksa menaikkan harga jualan demi memperoleh keuntungan yang setimpal. Alasan ini sememangnya kelihatan cukup logik dan rasional kecuali segelintir peniaga yang tamak dan rakus sekali gus meletakkan harga jualan yang melampau untuk meraih keuntungan berganda.

Hakikatnya, isu kenaikan harga barangan seperti ini bukanlah suatu isu baharu di negara kita. Harga barangan boleh dikatakan sentiasa naik iaitu sepanjang tahun dengan pelbagai alasan bersilih ganti seperti bekalan tidak mencukupi, kenaikan harga minyak, kenaikan harga bahan mentah atau makanan haiwan penternakan, kejatuhan nilai mata wang serta ketidaksta-



PERMINTAAN terhadap bekalan ayam yang meningkat secara drastik menjelang perayaan termasuk Aidilfitri menyebabkan ada pihak pembekal dan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga sesuka hati. - GAMBAR HIASAN

bilan keadaan ekonomi negara dan dunia.

Sebagai pengguna, percayalah kita sudah terbiasa dan cukup lali dengan pelbagai alasan yang terus dikitar semula untuk menghalalkan tindakan menaikkan harga barangan. Apa yang nyata di sini adalah pada akhirnya pengguna juga terus menjadi mangsa keadaan tatkala peniaga menuding jari kepada pembekal dan pembekal pula memberikan seribu satu alasan.

Satu perkara yang perlu kita teliti dan nilai betul-betul adalah walaupun pihak kerajaan secara berterusan cuba mengawal harga dengan menetapkan harga siling di samping pihak penguat kuasa terus melakukan serbuan dan penguatkuasaan terhadap peniaga yang degil kenapa masalah ini terus berlaku dan membelenggu pengguna?

Realitinya, walau apapun kerajaan buat selama ini harga barangan tetap naik dan pengguna dipaksa bayar dengan harga tinggi. Kita perlu sedar betapa kebanyakan daripada barangan yang naik harga ini adalah barangan keperluan asas pengguna justeru mereka tiada pilihan lain dan terpaksa beli juga.

Penulis percaya pengguna zaman sekarang semakin bijak. Pengguna sememangnya akan mencari barangan lain jika ada alternatif dan dijual pada harga yang lebih berpatutan tetapi realitinya kita tidak ada banyak pilihan seperti itu. Malah pengguna sekarang juga dilihat cukup bijak dan berhemah dalam berbelanja kerana menyedari hakikat kos sara hidup semakin meningkat maka dalam hal ini tidak ada apa

lagi yang boleh dibuat oleh pengguna lagi bagi mengatasi masalah kenaikan harga barangan ini kerana ia di luar kawalan pengguna.

Syor dan cadangan seperti memboikot sesuatu barangan atau peniaga juga boleh dikatakan satu cadangan yang semakin tidak relevan kerana pengguna sudah tidak ada banyak pilihan. Macam mana hendak boikot kalau hampir semua peniaga mengenakan harga yang sama apatah lagi jika ia membabitkan barang keperluan asas?

Justeru, mahu tidak mahu pihak kerajaan sekali lagi perlu masuk campur untuk menstabilkan harga barangan bukan saja ketika musim perayaan tetapi sepanjang masa. Jelas tindakan penguatkuasaan dan serbuan semata-mata belum memberikan kesan yang diharapkan apatah lagi secara logiknya mana mungkin penguat kuasa dapat memantau di setiap kedai di seluruh negara pada setiap hari.

Dan andai kaedah pengawalan harga ataupun penetapan harga siling jualan kepada peniaga yang dilakukan selama ini juga dilihat belum mampu memberikan kesan yang baik maka kita perlu menukar kaedah dan strategi kawalan kita. Beri perhatian kepada rungutan peniaga yang mengatakan punca kenaikan harga jualan adalah disebabkan oleh tindakan para pembekal dan pemborong tamak yang terus memanipulasikan harga bekalan barangan.

Apa tindakan kita terhadap kelompok pembekal dan pemborong ini? Dan sejauh mana tindakan itu efektif dan berkesan? Perkara ini

perlu dikaji semula kerana andai tindakan kita terhadap pembekal berkesan sudah pasti harga barangan pada ketika ini akan berada dalam kawalan tetapi itu tidak berlaku sekali gus membuktikan kawalan kita terhadap pembekal masih lemah.

Maka, timbul persoalan apakah selama ini strategi kawalan harga yang diamalkan kurang tepat di mana kita terlalu fokus kepada peniaga sehingga terlepas pandang kawalan terhadap pembekal? Atau apakah pembekal dan pemborong terlalu kebal sehingga pihak kerajaan pun tidak mampu untuk mengawal mereka?

Apapun jawapannya harapan pengguna hanyalah satu iaitu mahukan pihak kerajaan lebih tegas dan mengawal harga barangan pada setiap rantai bekalan iaitu bermula dari pembekal dan pemborong hinggalah ke peniaga akhir. Barulah kita dapat mengawal harga sesuatu barangan itu secara keseluruhannya. Perkara ini tidak mustahil untuk dilakukan.

Sebagai pihak yang berkuasa, kerajaan sepatutnya ada mekanisme yang kukuh untuk mengawal setiap pihak yang terlibat dalam urusan perniagaan barangan keperluan pengguna.

Baik pembekal, pemborong mahupun peniaga perlu dikawal dan mereka perlu akur dan tertakluk serta patuh dengan arahan pihak berkuasa demi kepentingan pengguna.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.